

PANDUAN TEKNIKAL

PANDUAN PERMOHONAN LESEN BAGI AKTIVITI PENJUALAN ATAU PERDAGANGAN



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-8922 5888
Faks: 03-8922 3685
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Skop	1
2.	Prosedur Permohonan Lesen	2
	2.1 Sistem Atas Talian (Online System)	2
	2.2 Cara Memohon	2
	2.3 Kelas, Fi dan Tempoh Lesen	2
3.	Pembatalan	4
4.	Penutup	4
5.	Rekod Dokumen	4
6.	Rujukan	5
	Lampiran 1: Senarai Semak - Maklumat Yang Diperlukan Untuk Mendapatkan, Meminda Atau Membaharui Lesen Kelas A Bagi Aktiviti Penjualan Atau Perdagangan	6
	Lampiran 2: Senarai Semak - Maklumat Yang Diperlukan Untuk Mendapatkan, Meminda Atau Membaharui Lesen Kelas C Bagi Aktiviti Penjualan Atau Perdagangan	11

1. SKOP

1.1 Dokumen ini disediakan untuk rujukan mereka yang ingin memohon lesen bagi menjalankan aktiviti penjualan atau perdagangan.

1.2 Aktiviti penjualan atau perdagangan yang perlu dilesenkan merangkumi:

- (a) Radiografi Industri;
- (b) Tolok Sinaran;
- (c) Penyelidikan dan Pembelajaran;
- (d) Penyelidikan dengan Subjek Manusia;
- (e) Penganalisan Barangan;
- (f) Pengesan Asap;
- (g) Punca Tentukuran;
- (h) Radiofarmaseutikal;
- (i) Diagnostik Perubatan;
- (j) Perubatan Pergigian;
- (k) Terapi Perubatan;
- (l) Tomografi;
- (m) Kiropraktik;
- (n) Veterinar;
- (o) Sel Penyinaran;
- (p) Penjana/Pemecut Neutron; dan
- (q) Lain-lain aktiviti yang ditentukan oleh AELB¹ dari semasa ke semasa.

1.3 Dokumen ini tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa.

¹ AELB bermaksud Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

2. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

2.1 Sistem Atas Talian (Online System)

Permohonan lesen (baharu, membaharui dan meminda) hendaklah dikemukakan secara atas talian iaitu melalui Sistem Permohonan Lesen (eLesen). Oleh itu, pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Tandatangan Digital (Digital Certificate (Digicert)). Sila rujuk <https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Digicert.

2.2 Cara Memohon

Pemohon hendaklah mengakses sistem atas talian eLesen dan melengkapkan borang permohonan secara atas talian serta memuat naik mana-mana dokumen sokongan yang diperlukan (rujuk **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**).

2.3 Kelas, Fi dan Tempoh Lesen

2.3.1 Kelas Lesen

Kelas lesen melibatkan aktiviti penjualan atau perdagangan adalah seperti berikut:

Bahan/radas yang Terlibat	Kelas Lesen
Bahan radioaktif	Kelas A
Perisaian (depleted uranium)	Kelas B
Radas penyinaran	Kelas C

Sekiranya aktiviti penjualan atau perdagangan dijalankan melibatkan aktiviti lain seperti pengangkutan, import, eksport dan lain-lain, kelas lesen yang terlibat adalah sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan

Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 antaranya:

- i. Pengangkutan : Kelas D (bahan radioaktif dan perisaian (depleted uranium))
- ii. Import/Eksport : Kelas E
- iii. Pelupusan : Kelas G

2.3.2 Fi Permohonan dan Fi Lesen

Pemohon hendaklah membayar fi permohonan kepada AELB sebanyak RM15 bagi setiap kelas lesen bagi setiap permohonan sebelum mengemukakan permohonan secara atas talian. Sekiranya permohonan diluluskan dan sebelum lesen yang sah dikeluarkan oleh AELB, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen baharu dan membaharui yang dikenakan seperti berikut:

- i. menjual atau memperdagang semua jenis bahan radioaktif – RM 200.00 setahun bagi setiap kelas lesen;
- ii. menjual atau memperdagang semua jenis radas penyinaran – RM 200.00 setahun bagi setiap kelas lesen; dan
- iii. menjual atau memperdagang semua jenis perisaian (depleted uranium) – RM 200.00 setahun bagi setiap kelas lesen.

Bayaran boleh dibuat sama ada dalam bentuk tunai, bank draf, kiriman wang, wang pos, cek atau perbankan internet (*Maybank2u* dan *CIMB Clicks*). Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang, wang pos dan cek ianya hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB.

2.3.3 Tempoh Lesen

Lesen bagi aktiviti penjualan atau perdagangan yang dikeluarkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) sah bagi tempoh maksimum tidak lebih 3 tahun bergantung kepada penetapan oleh AELB.

2.4 Bagi panduan umum permohonan lesen, pemohon hendaklah merujuk LEM/TEK/1².

3. PEMBATALAN

Dengan penguatkuasaan panduan ini, LEM/TEK/27 Sem.1 bertarih Disember 1998 adalah dibatalkan.

4. PENUTUP

4.1 Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/pemegang lesen boleh berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah:

Unit Komunikasi Korporat (UKK)
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : corporate@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my

5. REKOD DOKUMEN

Tarikh Terima Pakai	Status Semakan	Penyedia
Disember 1998	LEM/TEK/27 Sem. 1	AELB
27 Mei 2021	0	Pn. Shamsiah binti Sulaiman

² LEM/TEK/1: Panduan Umum bagi Mendapatkan Lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

6. RUJUKAN

- a. Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).
- b. Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 [P.U. (A) 149].
- c. Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U. (A) 46].
- d. LEM/TEK/1: Panduan Umum bagi Mendapatkan Lesen daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.
- e. LEM/TEK/44 (Bahagian A) Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran dan Jadual 3: Silibus bagi setiap bidang.
- f. LEM/TEK 44 Bahagian G Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme - CEP) bagi Tujuan Pengiktirafan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS).
- g. LEM/TEK/45: Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran.
- h. LEM/TEK/62: Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti (Bahan Radioaktif).
- i. LEM/TEK/66: Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear.
- j. LEM/TEK/70 Kriteria Kemudahan Penstoran Bagi Bahan Radioaktif.
- k. Notis Pemberitahuan Bil. 2/2013 Sem.3: Keperluan memastikan Program Perlindungan Sinaran, Pelan Sekuriti, Pelan Kecemasan Radiologikal Dan Nuklear Diluluskan Untuk Diterimapakai Sebelum Permohonan Lesen (Bagi Maksud Bukan Perubatan).
- l. Notis Pemberitahuan AELB Bil 03/2017 Sem. 2 Kelayakan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) Mengikut Kategori di bawah Standard Persijilan PPS.

Senarai Semak

Maklumat yang diperlukan untuk mendapatkan, meminda atau membaharui Lesen Kelas A bagi aktiviti penjualan atau perdagangan

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
A. Organisasi Dan Pengurusan:-				
	Permohonan lesen melalui sistem atas talian eLesen			
1.	Fi permohonan RM 15.00 setiap kelas	✓	✓	✓
2.	Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL) [Sila sertakan Borang 49 atau Borang Seksyen 14 bersama-sama Borang Seksyen 58 dan 236(2) yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah, Surat Pelantikan OBTL hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Sila dapatkan Surat Pelantikan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓		
3.	Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM. [Borang 9]	✓		
4.	Surat Perakuan Pengamal Perubatan Berdaftar yang diluluskan. [Sila dapatkan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓		
B. Pekerja Sinaran:-				
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] dan muat naik dokumen berikut di dalam sistem yang sama; i. Gambar ukuran pasport terkini. ii. Salinan Sijil Lulus Peperiksaan Pegawai Perlindungan Sinaran ³ . Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS	✓		

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
	<p>baharu yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP⁴.</p> <p>iii. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan pasport yang masih sah.</p> <p>iv. Salinan Sijil Kehadiran SKM (minimum Tahap 1) (untuk Radiografi Industri)</p> <p>b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuat naik dokumen seperti berikut;</p> <p>i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubahan mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan.</p> <p>ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara</p>			
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuat naik dokumen B1(a)(i), (a)(iii), Sijil SKM Tahap 2 atau Direct Access Tahap 2 (untuk Radiografi Industri), (b)(i) dan (b)(ii).	✓		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu	✓		
4.	Latihan terkini: Sila muat naik salinan sijil/surat pengesahan hadir kursus perlindungan sinaran pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] mengikut akaun setiap pekerja syarikat.			✓
C. Bahan Radioaktif:-				
1.	Memuat naik Salinan sijil ujian kemantapan bagi kapsul punca dari pembekal (<i>special form certificate</i>)	✓	✓	
2.	Memuat naik Rekabentuk (dalam lukisan teknik), data teknikal dan katalog bagi bekas punca.	✓	✓	
3.	Memuat naik Surat pengesahan (<i>undertaking letter</i>) dari pembekal/pembuat bahan radioaktif yang menyatakan kesanggupan menerima kembali bahan radioaktif setelah ianya tidak digunakan lagi oleh pemegang lesen atau pemegang lesen muflis	✓	✓	

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
D Peralatan Radiografi Industri/Projektor:				
1.	Memuat naik Sijil kelulusan bekas punca/bekas pengangkutan jenis B (<i>Certificate of compliance for packaging of radioactive material for transportation- Type B</i>).	✓	✓	
2.	Memuat naik Salinan sijil ujian kemantapan bagi kapsul punca dari pembekal (<i>special form certificate</i>)	✓	✓	
3.	Memuat naik Rekabentuk (dalam lukisan teknik), data teknikal dan katalog bagi bekas punca.	✓	✓	
4.	Memuat naik Surat pengesahan (<i>undertaking letter</i>) dari pembekal/pembuat bahan radioaktif yang menyatakan kesanggupan menerima kembali bahan radioaktif setelah ianya tidak digunakan lagi oleh pemegang lesen atau pemegang lesen muflis	✓	✓	
E. Alat Pengesan Sinaran:-				
1.	Memuat naik Sijil sah tentukan alat pengesan sinaran atau Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran sekiranya belum miliki (sekurang-kurangnya 2 unit)	✓	✓	
2.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	✓	✓	
Bilik Dedahan*				
F [nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina bilik dedahan]:				
1.	Menghantar permohonan Membina Bilik Dedahan dengan memuat naik: i. Pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (Sila nyatakan kawasan yang berhampiran); ii. Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan; dan iii. Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter daripada dinding tersebut. Melengkapkan maklumat koordinat GPS lokasi bilik dedahan	✓	✓	

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
2.	Menghantar permohonan Mengguna Bilik Dedahan setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina.	✓	✓	
G	Tempat Penstoran Tetap (termasuk kemampuan penstoran) [nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina penstoran]:			
1.	Menghantar permohonan Membina Tempat Penstoran dengan memuat naik; i. Pelan terperinci kedudukan dan rekabentuk tempat penstoran; ii. Rekabentuk kejuruteraan kemudahan penstoran bahan radioaktif, dimensi dan pengiraan paras sinaran luar di permukaan tempat penstoran. (Bacaan di luar penutup tempat penstoran mestilah kurang daripada 3.0 uSv/jam dan bacaan di luar pagar tempat penstoran mestilah kurang daripada 0.5 uSv/jam); iii. Sekiranya syarikat menyewa tanah atau premis untuk tempat penstoran bahan radioaktif maka surat perjanjian hendaklah dibuat diantara pemilik tanah dengan pihak syarikat; dan iv. Pengiraan terperinci yang menunjukkan tempat penstoran boleh menampung kesemua bahan radioaktif yang akan dimiliki.	✓	✓	
2.	Menghantar permohonan Mengguna Tempat Penstoran setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina dan setelah permohonan lesen diluluskan.	✓	✓	
H.	Program Perlindungan Sinaran:-			
1.	Memuat naik Program Perlindungan Sinaran yang didraf mengikut format LEM/TEK/45) ⁵ ke dalam sistem eLesen bersama Borang Perakuan untuk mendapatkan kelulusan AELB bagi tujuan terima pakai. [Sila dapatkan Borang Perakuan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓	✓	✓
2.	Menyemak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubah suai atau tidak pada sistem eLesen.	✓	✓	✓

Bil	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
I. Pelan Kecemasan:				
1.	Memuat naik Pelan Kecemasan ⁶ ke dalam sistem eLesen bersama Borang Perakuan untuk mendapatkan kelulusan AELB bagi tujuan terima pakai. [Sila dapatkan Borang Perakuan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓	✓	✓
2.	Menyemak status Pelan Kecemasan sama ada perlu diubah suai atau tidak pada sistem eLesen.	✓	✓	✓
J. Pelan Sekuriti:				
1.	Memuat naik Pelan Sekuriti ⁷ ke dalam sistem eLesen bersama Borang Perakuan untuk mendapatkan kelulusan AELB bagi tujuan terima pakai. [Sila dapatkan Borang Perakuan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓	✓	✓
2.	Menyemak status Pelan Sekuriti sama ada perlu diubah suai atau tidak pada sistem eLesen.	✓	✓	✓

³ Sila rujuk Notis Pemberitahuan AELB Bil 03/2017 Sem. 2 Kelayakan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) Mengikut Kategori di bawah Standard Persijilan PPS.

⁴ Sila rujuk LEM/TEK 44 Bahagian G Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme - CEP) bagi Tujuan Pengiktirafan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS).

⁵ Sila rujuk LEM/TEK/45 Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran.

⁶ Sila rujuk LEM/TEK/66 Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear.

⁷ Sila rujuk LEM/TEK/62 Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti (Bahan Radioaktif).

Senarai Semak

Maklumat yang diperlukan untuk mendapatkan, meminda atau membaharui Lesen Kelas C bagi aktiviti penjualan atau perdagangan

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
A. Organisasi Dan Pengurusan:-				
	Permohonan lesen melalui sistem atas talian eLesen			
1.	Fi permohonan RM 15.00 setiap kelas	✓	✓	✓
2.	Orang yang bertanggungjawab terhadap lesen (OBTL) [Sila sertakan Borang 49 atau Borang Seksyen 14 bersama-sama Borang Seksyen 58 dan 236(2) yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah, Surat Pelantikan OBTL hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Sila dapatkan Surat Pelantikan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓		
3.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM. [Borang 9]	✓		
4.	Surat Perakuan Pengamal Perubatan Berdaftar yang diluluskan. [Sila dapatkan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓		
B. Pekerja Sinaran:-				
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] dan muat naik dokumen berikut di dalam sistem yang sama; i. Gambar ukuran pasport terkini. ii. Salinan Sijil Lulus Peperiksaan Pegawai Perlindungan Sinaran ⁸ . Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baharu yang belum diiktiraf selepas	✓		

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
	<p>setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP⁹.</p> <p>iii. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan pasport yang masih sah.</p> <p>iv. Salinan Sijil Kehadiran SKM (minimum Tahap 1) (untuk Radiografi Industri)</p> <p>b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuat naik dokumen seperti berikut;</p> <p>i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan.</p> <p>ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara</p>			
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuat naik dokumen B1(a)(i), (a)(iii), Sijil SKM Tahap 2 atau Direct Access Tahap 2 (untuk Radiografi Industri), (b)(i) dan (b)(ii).	✓		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu	✓		
4.	Latihan terkini: Sila muat naik salinan sijil/surat pengesahan hadir kursus perlindungan sinaran pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesen.aelb.gov.my/iexam/] mengikut akaun setiap pekerja syarikat.			✓
C. Peralatan sinaran (radas penyinaran)				
1.	Memuat naik salinan sijil dari pembekal yang menunjukkan radas penyinaran telah memenuhi standard yang diiktiraf oleh AELB.	✓	✓	
2.	Memuat naik rekabentuk (dalam lukisan teknik), data teknik dan/atau katalog bagi radas penyinaran.	✓	✓	
D. Alat Pengesan Sinaran:-				
1.	Memuat naik Sijil sah tentukan alat pengesan sinaran atau Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran sekiranya belum miliki (sekurang-kurangnya 2 unit)	✓	✓	

Bil.	Perkara	Jenis Permohonan Lesen		
		Baharu	Meminda	Membaharui
2.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	✓	✓	
E	Bilik Dedahan* [nota: mesti ada sebelum memohon lesen sekiranya syarikat berhasrat untuk membina bilik dedahan]:			
1.	Menghantar permohonan Membina Bilik Dedahan dengan memuat naik: i. Pelan lakar kedudukan/lokasi dan rekabentuk bilik dedahan yang dicadangkan (Sila nyatakan kawasan yang berhampiran); ii. Rekabentuk dan dimensi bilik dedahan yang dicadangkan; dan iii. Pengiraan paras sinaran luar yang dijangka diterima di sekeliling permukaan luar dinding dedahan dan jarak 1 meter daripada dinding tersebut. Melengkapkan maklumat koordinat GPS lokasi bilik dedahan	✓	✓	
2.	Menghantar permohonan Mengguna Bilik Dedahan setelah ia dibina mengikut spesifikasi seperti yang diluluskan semasa permohonan membina.	✓	✓	
G.	Program Perlindungan Sinaran:-			
1.	Memuat naik Program Perlindungan Sinaran yang didraf mengikut format LEM/TEK/45) ¹⁰ ke dalam sistem eLesen bersama Borang Perakuan untuk mendapatkan kelulusan AELB bagi tujuan terima pakai. [Sila dapatkan Borang Perakuan melalui laman web AELB www.aelb.gov.my]	✓	✓	✓
2.	Menyemak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubah suai atau tidak pada sistem eLesen.	✓	✓	✓

⁸ Sila rujuk Notis Pemberitahuan AELB Bil 03/2017 Sem. 2 Kelayakan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) Mengikut Kategori di bawah Standard Persijilan PPS.

⁹ Sila rujuk LEM/TEK 44 Bahagian G Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme - CEP) bagi Tujuan Pengiktirafan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS).

¹⁰ Sila rujuk LEM/TEK/45 Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran.